



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN PERLIS

PEKELILING REKTOR

BILANGAN 1 TAHUN 2021

PELAKSANAAN KEMASUKAN PELAJAR KEMBALI KE KAMPUS DAN PERKULIAHAN BAGI SESI II 2020/2021 UiTM CAWANGAN PERLIS

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan memberi panduan tentang kemasukan pelajar kembali ke kampus dan panduan tentang pelaksanaan perkuliahan UiTM Cawangan Perlis bagi Sesi II 2020/2021 (Mac – Ogos 2021). Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Akademik Ke-71 Bilangan 1 Tahun 2021 bertarikh 1 Mac 2021 dirujuk.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Pemakluman Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM); surat bertarikh 7 Januari 2021 telah mengumumkan bahawa pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) yang berkeperluan boleh kembali ke kampus secara berfasa mengikut kategori. Pelajar akan ditempatkan di kolej.

3.0 PENGENDALIAN KEMASUKAN PELAJAR KE KAMPUS

- 3.1 Kategori keperluan pelajar masuk ke kampus ;
- Pelajar dari program peringkat Sijil, Diploma, Sarjana Muda dan Pasca Siswazah yang memerlukan sesi PdP secara F2F yang mendesak melibatkan praktikal, makmal, latihan amali, bengkel, peralatan khas dan berkaitan;
 - Pelajar yang tidak mempunyai akses internet dan berada di dalam persekitaran yang tidak kondusif bagi melaksanakan PdP secara atas talian di rumah;
 - Pelajar yang akan menjalani Latihan Industri di dalam kampus;
 - Pelajar berkeperluan Khas (OKU).

4.0 PELAKSANAAN PERKULIAHAN

4.1 Pekeliling Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Bilangan 03 Tahun 2021, Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) bagi kuliah Mac – Ogos 2021 akan dijalankan secara Terbuka dan Jarak Jauh (*Open and Distance Learning (ODL)*), dan/atau secara bersemuka setempat (*Face-to-Face (F2F)*) mengikut kaedah pembelajaran teradun dan hybrid.

- 4.2 Pelaksanaan perkuliahan secara bersemuka (F2F) mengikut fasa, sila rujuk **Lampiran A**.
- 4.3 Kalendar Akademik Sesi Mac – Ogos 2021, kuliah bermula pada **29 Mac 2021 (Isnin)**.
- 4.4 Penetapan PdP secara asasnya boleh dibuat menurut jadual di bawah dengan mengambil kira :
- a. Situasi semasa penularan COVID- 19;
 - b. Keperluan kursus;
 - c. Keberadaan pelajar;
 - d. Kapasiti ruang pembelajaran (bilik kuliah, makmal, studio dan sebagainya);
 - e. Keperluan dan keupayaan fasiliti.
- 4.5 Peperiksaan Akhir dijalankan secara Penilaian Berterusan/Penilaian Akhir.

5.0 PENDAFTARAN KOLEJ KEDIAMAN

- 5.1 Semua pelajar dimestikan untuk menginap di kolej kediaman kecuali pelajar yang tinggal di negeri Perlis sahaja (bergantung kepada kekosongan semasa).
- 5.2 Sekiranya pelajar tidak pulang semasa cuti umum atau cuti pertengahan semester, wajib menghantar permohonan bertulis (kebenaran tinggal di kolej kediaman) kepada Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar dan dinasihatkan agar kekal berada di dalam kampus.
- 5.3 Bagi pelajar yang berjaya mendapat kemudahan kolej kediaman, pelajar boleh hadir seperti ketetapan berikut:
- a. Pelajar baru – **19 – 21 Mac 2021 (Sabtu, Ahad & Isnin)**
 - b. Pelajar lama - **bermula 27 Mac 2021 (Sabtu)**
- 5.4 Pada semester ini, pelajar tidak dibenarkan untuk memilih bilik atau rakan sebilik. Unit Pengurusan Kolej telah menetapkan blok kediaman setiap pelajar yang berjaya permohonan kolej.
- 5.5 Hanya 1 kenderaan, 1 waris/pembantu dan 1 pelajar sahaja yang dibenarkan memasuki kampus dan ke kolej kediaman.
- 5.6 Mohon waris/pembantu segera meninggalkan kawasan kolej dan kampus setelah semua urusan selesai.
- 5.7 Pelajar wajib mengimbas kod QR e-Borang Kebenaran Keluar Kampus sekiranya ada urusan di luar kampus.
- 5.8 Kadar sewaan kolej kediaman adalah seperti berikut:
- | | | |
|-------------------------|---|----------|
| a. Bilik seorang/berdua | - | RM420.00 |
| b. Bilik bertiga | - | RM315.00 |
| c. Bilik berempat | - | RM210.00 |

- 5.9 Bagi pelajar yang tidak balik semasa Cuti Perayaan/ Pertengahan semester, cuti hari minggu/am dibenarkan berada di Negeri Perlis sahaja.

6.0 TANGGUNGJAWAB BERSAMA

- 6.1 Pergerakan keluar dan masuk pelajar yang berada di dalam kampus perlu dikawal setiap masa agar pergerakan mereka berada di tahap minimum dan mematuhi SOP yang telah ditetapkan.
- 6.2 Sepanjang tempoh pelajar menetap di dalam kampus perkara berikut perlu dilaksanakan:
- Membuat ikrar dan Aku Janji untuk mematuhi semua peraturan dan SOP universiti melalui Sistem SaringC19 UiTM;
 - Membuat deklarasi harian melalui Sistem SaringC19 UiTM. Surat kebenaran merentas daerah/negeri boleh dijana melalui <https://saringc19.uitm.my>;
 - Mematuhi semua SOP arahan dan peraturan yang telah ditetapkan Universiti;
 - Sekiranya pelajar memberi maklumat palsu atau didapati melanggar perkara-perkara di atas, pelajar berkenaan boleh dikenakan tindakan tatatertib, dan jika disabitkan kesalahan boleh dijatuhkan tindakan di bawah Kaedah-Kaedah Institusi Pelajaran (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1976;
 - Pelajar wajib menjalani temuduga saringan kesihatan yang dijalankan oleh Pegawai Perubatan UiTM sebelum hadir ke Pejabat Pengurusan Kolej bagi urusan tuntutan kunci bilik kediaman.

7.0 PEKELILING BERKAITAN

- 7.1 Pekeliling ini perlu dibaca bersama surat KPT bertarikh 9 Februari 2021 dan Pekeliling Bil 3-Tahun 2021: Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa).

8.0 TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 9 Mac 2021.



PROF. DR. HAJI KHUZZIR HAJI ISMAIL
Rektor

Dikelilingkan kepada :
Semua Kakitangan UiTM Cawangan Perlis (Pentadbiran dan Akademik)
Semua Pelajar

Bilangan Fail : 100-UiTMCPs (PR 6/7/1)
Tarikh : 9 Mac 2021

**MAKLUMAT PEMBELAJARAN & PENGAJARAN (PdP) UiTM CAWANGAN PERLIS
SEMESTER MAC – JULAI 2021**

(a) Tarikh-tarikh Kuliah mengikut Fasa

Fasa 1 – Kuliah (29 Mac 2021 – 9 Mei 2021)	Fasa 2 – Kuliah (17– 29 Mei 2021)	Fasa 3 - Kuliah (7 Jun – 16 Julai 2021)
---	--------------------------------------	--

(b) Jadual perancangan perkuliahan secara bersemuka *Face to Face* (F2F) mengikut fasa

FAKULTI	SEMESTER / KOD KURSUS	FASA	CATATAN
FSPU	Semua (Diploma & ISM)	Fasa 1 Fasa 2 Fasa 3	Kod kursus F2F rujuk Fakulti
FPA	Semester 2, 4 (Diploma)	Fasa 1 Fasa 2 Fasa 3	Pelajar Diploma
	Semester 6 (ISM)	Fasa 1 Fasa 2 Fasa 3	Pelajar ISM
	Semester 1,2, & 5	Fasa 1	Pelajar ISM
FSG	FSG 661 FSG 671	Fasa 1 & Fasa 3	Tertakluk kepada kaedah 1 FYP pelajar
	MAR 511	Fasa 2 & Fasa 3	Rujuk pensyarah mengajar
	HSL 226 MRS 400 MAR511	Fasa 3	
FSKM	MSP 660 CSP 650 CSP 650 DSC 650	Fasa 3	Rujuk fakulti/pensyarah mengajar
FSR	SPS 584 SPS 564 SPS 554 SPS 133 SMG 603	Fasa 3	Rujuk fakulti/pensyarah yang mengajar

**CARTA ALIR KEMASUKAN PELAJAR
UiTM CAWANGAN PERLIS KE
KAMPUS SECARA FIZIKAL
SEMESTER MAC 2021**

